

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Bernama Online

TARIKH : Rabu, 16 Mac 2016

AM > BERITA

Perpustakaan Negara Anjur Eksplorasi Digital Untuk Pelajar Sekolah

KUALA LUMPUR, 16 Mac (Bernama) -- Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) hari ini menganjurkan program khas untuk pelajar sekolah iaitu Eksplorasi Digital yang menguji kemahiran pengguna dalam teknik dan strategi pencarian maklumat melalui pangkalan data.

Program untuk pengguna berusia 13 tahun dan ke atas yang diadakan bersempena dengan musim cuti persekolahan itu bertujuan untuk menimba pengetahuan melalui aplikasi digital sebagai sumber rujukan.

Ketua Pengarah PNM Nafisah Ahmad berkata program itu terbahagi kepada dua siri dengan siri pertama diadakan pada 13 Mac lalu dengan matlamat untuk mengajar pengguna mencari maklumat dengan pantas.

"PNM mempunyai pangkalan data maklumat yang sangat besar dan tidak terhad kepada buku fizikal sahaja," katanya pada sidang akhbar di sini Rabu.

Nafisah berkata dalam Eksplorasi Digital, para peserta diberi beberapa soalan yang dicetak pada kertas dan mereka diuji kemahiran mengakses maklumat daripada pangkalan data perpustakaan itu untuk mendapatkan jawapan.

"Para peserta diberikan masa tertentu untuk mencari jawapan dan kesemua mereka kelihatan amat teruja dengan program yang menawarkan pelbagai hadiah berupa peralatan teknologi maklumat dan komunikasi itu," katanya.

Sementara itu, seorang peserta, Ain Naemah Ali Noor Ruslan, 13, pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Setiawangsa berkata beliau sangat berpuas hati dengan maklumat yang diperoleh daripada pangkalan data PNM.

"Ini kali pertama saya sertai program sebegini, program ini bagus kerana dapat menguji minda saya dan mengingatkan semula pengetahuan yang lama," katanya.

Bersempena cuti persekolahan hingga 19 Mac ini, PNM menganjurkan pelbagai aktiviti untuk kanak-kanak dan remaja bertempat di PNM dan perpustakaan komuniti di sekitar Lembah Klang.

-- BERNAMA